



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN ROSLI DOBBY
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM I 2024
KERTAS 1 1249/1
1 JAM

Nama :

Kelas :

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja.

1.	Maklumat berikut berkaitan Kerajaan Funan. <div style="border: 1px solid black; padding: 10px; width: fit-content; margin-left: auto; margin-right: 0;"> <ul style="list-style-type: none"> • Muncul abad Pertama • Pengasasnya Kaundiya </div>
	Penyataan manakah yang ada kaitan dengan Kerajaan Funan.
A	Pusat pentadbiran di Inderapura
B	Negara diketuai oleh golongan pendeta
C	Merosot kerana serangan Kerajaan Champa
D	Mengeratkan hubungan dengan Kerajaan Melaka
2.	Berikut adalah hubungan pemerintah dan rakyat. <div style="border: 1px solid black; padding: 10px; width: fit-content; margin-left: auto; margin-right: 0;"> <p style="text-align: center;">Rakyat ini umpama akar dan raja itu umpama pohon</p> </div>
	Apakah prinsip Rukun Negara yang dapat dikaitkan dengan perumpamaan tersebut?
A	Kepercayaan kepada tuhan
B	Kedaulatan undang-undang
C	Kesopanan dan kesusilaan
D	Kesetiaan kepada raja dan negara
3.	Gerakan nasionalisme di Vietnam selepas Perang Dunia Pertama bercorak revolusi dan didukung oleh dua aliran ideologi. Apakah dua aliran ideologi tersebut?
A	Aliran Fasisme dan Komunisme
B	Aliran Nazisme dan Komunisme
C	Aliran Fasisme dan Nasionalisme
D	Aliran Nasionalisme dan Komunisme
4.	Apakah tujuan British memperkenalkan dasar desentralisasi?
A	Melatih pemimpin tempatan
B	Mengembalikan kuasa sultan
C	Memajukan sistem pendidikan
D	Meningkatkan peluang pendidikan

5. Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik bermula apabila Jepun menyerang Tanah Melayu dan Pearl Harbour. Mengapakah Jepun menyerang Pearl Harbour?
- A Melumpuhkan tentera Bersekutu di Pasifik
 B Menamatkan kuasa Amerika di rantau Asia
 C Menunjukkan Jepun kuasa baharu yang kuat
 D Melumpuhkan armada laut Amerika di Pasifik
6. Mengapakah pentadbiran tentera Jepun memberikan peluang kepada pemimpin tempatan menjawat jawatan yang lebih tinggi?
- I Menawan hati dan fikiran pemimpin
 II Mendapatkan sokongan daripada rakyat
 III Mengatasi masalah kekurangan pegawai
 IV Membentuk orde Baharu bagi Tanah Melayu
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV
7. Mengapakah orang Melayu menentang pelaksanaan Malayan Union?
- A Kerakyatan terlalu longgar
 B Mengancam keselamatan
 C Kehilangan penguasaan ekonomi
 D Mendapat desakan golongan radikal
8. Berikut adalah kedua-dua pegawai British dalam usaha penyerahan Sarawak kepada British

- Sir Harold MacMicheal
- Gerald T. MacBryan

- Apakah persamaan kedua-dua pegawai tersebut?
- A Mengetuai pentadbiran British
 B Menggunakan desakan dan ugutan
 C Membuat tinjauan penentangan penduduk
 D Berkhidmat sebagai Gabenor Malayan Union
9. Tindakan British menolak Perlembagaan Rakyat telah menimbulkan perasaan tidak puas hati PUTERA-AMCJA. Apakah reaksi PUTERA-AMCJA terhadap tindakan British?
- A Mendesak British
 B Menganjurkan harta
 C Menuntut kemerdekaan
 D Menandatangi perjanjian
10. Apakah ciri-ciri Persekutuan Tanah Melayu 1948 yang dibentangkan pada 20 November 1946?
- | | | | |
|----|-------------|-----|-----------------|
| I | Percukaian | III | Perundangan |
| II | Kemerdekaan | IV | Kewarganegaraan |
| A | I dan II | C | II dan III |
| B | I dan IV | D | III dan IV |

11. Selepas Templer dilantik sebagai Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu, beliau menggunakan pendekatan baharu dalam menghapuskan pengaruh komunis. Apakah pendekatan baru tersebut?
- Menguatkuasakan undang-undang ketat
 - Memenangi hati dan fikiran rakyat
 - Memulakan perkampungan baru
 - Membawa masuk tentera komanwel
12. Penyataan yang manakah berkaitan kesan politik zaman Darurat terhadap negara kita.
- Peningkatan jumlah warganegara
 - Penubuhan MCA
 - Konflik perkauman meletus
 - Pengenalan pilihan raya bandaran
- | | |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |
13. Mengapakah selepas Perang Dunia Kedua, kesedaran kerjasama politik dalam kalangan pemimpim kaum meningkat?
- Matlamat mencapai kemerdekaan
 - Mahu menghapuskan ancaman komunis
 - Mengagihkan ekonomi negara secara adil
 - Keinginan meningkatkan pembangunan negara
14. Maklumat berikut berkaitan ciri-ciri Sistem Ahli.

- **Satu sistem Kabinet Bayangan**
- **Ahli bertaraf “Menteri”**
- **X**

Apakah X?

- Ahli berkuasa membuat undang-undang
 - Ahli dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi British
 - Ahli menjadi anggota Majlis Raja-raja
 - Ahli dipilih melalui pilihan raya
15. Rajah menunjukkan pengenalan pilihan raya negara secara berperingkat di negara kita.



Mengapakah British memperkenalkan pilihan raya di negara kita?

- Membentuk perpaduan kaum
- Mengukuhkan amalan demokrasi negara
- Persediaan ke arah berkerajaan sendiri
- Melatih penduduk tempatan untuk mengundi

16. Majlis Mesyuarat Persekutuan yang dibentuk pada PTM 1955 adalah berasaskan "Model Westminster". Mengapakah Malaysia menggunakan model tersebut?
- A Pentadbiran lebih sistematik
B Desakan daripada penjajah
C Mewarisi Demokrasi Britain
D Sesuai dengan keperluan negara
17. Apakah isu hangat dalam memorandum bertulis dalam penetapan perlembagaan PTM 1957?
- A Agama Islam
B Kewarganegaraan
C Bahasa kebangsaan
D Raja Berperlembagaan
18. Dalam Perjanjian Persekutuan 1957, Bahasa Melayu diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan. Apakah alasan munasabah negara kita memerlukan bahasa kebangsaan?
- A Bahasa rakyat asal Tanah Melayu
B Meneruskan warisan tradisi
C Mengiktirafkan orang Melayu
D Alat memupuk perpaduan
19. Berikut adalah jawatankuasa yang ditubuhkan sebagai persediaan menyambut pemasyhuran kemerdekaan negara.

Jawatankuasa Persediaan Fizikal

- Apakah persediaan yang dilakukan oleh jawatankuasa tersebut?
- I Pembinaan stadium
II Menggubal Rukun Negara
III Membina pintu gerbang
IV Memperkenalkan lagu kebangsaan
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV
20. Mengapakah Persekutuan Tanah Melayu diterima untuk menyertai pertubuhan Komanwel?
- A Kaya dengan bahan mentah
B Menggunakan pound sterling
C Bekas tanah jajahan British
D Sudah mencapai kemerdekaan
21. Apakah peranan rakyat dalam negara berdaulat?
- A Terikat kepada undang-undang
B Bahasa kebangsaan
C Kebebasan beragama
D Mempunyai sempadan

22. Pada 12 Februari 2013 negara kita dicerobohi oleh pengganas dari Kepulauan Sulu.
Apakah kesan kejadian tersebut kepada negara?
A Menimbulkan ketegangan kaum
B Mencetuskan krisis kepimpinan
C Mengalami kemelesetan ekonomi
D Mencabar kedaulatan negara
23. Apakah ciri tradisional yang terdapat dalam perlembagaan Persekutuan?
A Pemerintahan beraja
B Kewarganegaraan
C Kerajaan Persekutuan
D Demokrasi Berparlimen
24. Mengapakah pindaan perlembagaan negara dilakukan pada tahun 1965?
A Singapura berpisah daripada Malaysia
B Hak autonomi Sarawak dan Sabah
C Pengisytiharan bahasa kebangsaan
D Pengasingan kuasa pemerintahan

25.

Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen

Bagaimakah ciri tersebut dilaksanakan dalam negara kita?

- I Rakyat berhak memilih wakil
 - II Raja pemerintah tertinggi negara
 - III Perdana Menteri memiliki kuasa kehakiman
 - IV Ketua negara mengetuai Badan Perundangan
- | | |
|--------------|--------------|
| A I dan II | C I dan IV |
| B II dan III | D III dan IV |

26. Mengapakah kebebasan asasi yang diperuntukkan dalam perlembagaan negara tidak bersifat mutlak?
A Melindungi hak keistimewaan
B Menghormati institusi beraja
C Memastikan ketenteraman
D Mengawal tindakan pemimpin
27. Apakah kerajaan yang diletakkan di bawah kuasa Kerajaan Negeri?
A Exco Negeri
B Kerajaan Perikatan
C Kerajaan Persekutuan
D Kerajaan Tempatan
28. Bagaimakah Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bekerjasama dalam pemuliharaan khazanah negara?
A Menubuhkan pasukan khas
B Membangunkan tanah baru
C Membangunkan Taman Negara
D Memajukan industri pelancongan

29. Mengapakah pemimpin Parti Rakyat Brunei menentang cadangan pembentukan Malaysia?
- A Tiada rundingan dengan parti
 - B British mengekalkan pengaruh
 - C British tidak menjamin kemerdekaan
 - D Terpengaruh dengan gerakan komunis
30. Apakah cadangan Suruhanjaya Cobbold bagi menjamin kepentingan Sarawak dan Sabah terpelihara?
- A Membuka pasarana bersama
 - B Menawarkan pinjaman khas
 - C Mengiktirafan hak peribumi
 - D Memberikan kuasa autonomi
31. Apakah cabaran ekonomi yang perlu ditangani setelah Sarawak dan Sabah menyertai Gagasan Malaysia?
- A Kadar kemiskinan tinggi
 - B Amalan pertanian sara diri
 - C Kekurangan tenaga pekerja
 - D Kepelbagaian kumpulan etnik
32. Apakah langkah serta-merta yang diambil bagi menghadapi tragedi rusuhan kaum 1969?
- A Menubuhkan Jawatankuasa Perpaduan Kaum
 - B Melonggarkan syarat kewarganegaraan
 - C Mengadakan pilihan raya Persekutuan
 - D Pembentukan Majlis Gerakan Negara
33. Bagaimanakah kerajaan memantapkan kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa pentadbiran?
- A Mewajibkan lulus peperiksaan
 - B Melancarkan kempen kebangsaan
 - C Menggunakan dalam urusan Kerajaan
 - D Menubuhkan Universiti Kebangsaan Malaysia
34. Sukan mampu menjadi agen perpaduan rakyat di negara kita. Bagaimanakah ini dapat dibuktikan?
- A Menjana dana pertandingan
 - B Menyebarluaskan mesej pertandingan
 - C Membimbing peserta dengan tunjuk ajar
 - D Menyokong peserta tanpa mengira kaum
35. DEB juga turut memberi fokus kepada penduduk bandar yang menghadapi kemiskinan. Apakah punca kemiskinan penduduk di bandar?
- A Masalah pendapatan yang rendah
 - B Masalah tiada pekerjaan yang sesuai
 - C Masalah tanah untuk dimajukan sendiri
 - D Masalah tidak mendapar kepercayaan bank

36. Sosioekonomi taraf penduduk telah berubah dengan pelaksanaan DEB dan DPN.
Apakah bukti yang menunjukkan penurunan kadar kemiskinan?
A Pembangunan pendidikan
B Taraf kesihatan semakin baik
C Pendapatan isi rumah meningkat
D Perindustrian berteknologi tinggi
37. Pemerdagangan orang merupakan jenayah terancang. Mengapakah Malaysia turut menjadi transit pemerdagangan orang ke negara lain?
A Galakan pemerintah
B Kemudahan di pelabuhan
C Kedudukan yang strategik
D Menjalinkan kerjasama dengan PBB
38. Apakah sebab berlakunya peningkatan pembebasan gas rumah hijau di atmosfera?
A Penggunaan kincir angin
B Penggunaan tenaga solar
C Penggunaan hidroelektrik
D Penggunaan penyaman udara
39. Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) diadakan dua tahun sekali. Apakah isu yang dibincangkan dalam mesyuarat tersebut?
A Isu keselamatan perairan
B Isu pentadbiran kerajaan
C Isu semasa antarabangsa
D Isu perdagangan antarabangsa
40. Apakah tindakan yang diambil oleh Malaysia dalam isu kawalan senjata nuklear?
A Mengisyiharkan ZOPFAN
B Menaja kegiatan penyelidikan luar
C Menandatangani Perjanjian AMDA
D Menandatangani Perisytiharan LUSAKA

Selamat mencuba